

27 NOV 1999

Mahathir -Gereja

DR MAHATHIR NAFI NAK DIRIKAN GEREJA DI TANAHNYA

ALOR SETAR, 27 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menafikan dakwaan Pas kononnya beliau hendak mendirikan gereja di tanahnya.

Pas sengaja mengedarkan risalah itu supaya orang ramai membenci padanya dan mengundi parti pembangkang itu, katanya.

"Risalah itu menulis nama saya tetapi tidak ada tanda tangan serta tidak tahu di mana tanah itu," katanya di perhimpunan bersama rakyat di pekan Naka dekat sini malam ini.

Dr Mahathir berkata Pas cuba mengalih pandangan pengundi supaya mengundi parti itu bukan untuk mendapatkan apa-apa pembangunan tetapi kerana benci pada perdana menteri.

"Pas sanggup berbohong dan memfitnah semata-mata kerana hendakkan undi," katanya

-- BERNAMA